



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KIBAR BENDERA  
SHWP 2024 DAN MAJLIS PELANCARAN PROGRAM  
PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM LAPORAN  
RANCANGAN STRUKTUR LABUAN 2040**

**13 JANUARI 2024**

**WP LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُصَلِّی عَلَیْ رَسُولِهِ الْکَرِیمِ

## SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya juga, saya dapat bersama-sama dengan warga Wilayah Persekutuan Labuan

dalam **Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Peringkat Labuan Tahun 2024** dan **Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Laporan Rancangan Struktur Labuan 2040.** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini.

2. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan majlis pada hari ini.

**Hadirin Sekalian,**

3. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang bakal disambut pada 1 Februari lazimnya akan dimulakan dengan pelancaran kempen kibar bendera seluruh Wilayah Persekutuan.
  
4. Pada tahun ini, sambutan Hari Wilayah Persekutuan membawa makna yang sangat unik kerana kita akan meraikan 50 tahun Wilayah Persekutuan yang dimulakan pentadbirannya di Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan yang pertama ditubuhkan pada tahun 1974, selain mempunyai keunikan dan nilainya yang tersendiri apabila ianya disambut dalam kerajaan perpaduan yang sangat menekankan nilai perpaduan dan ukhuwah.

- 
- 
- 
- 
- 
5. Untuk makluman semua, program kibar bendera ini merupakan satu “signature program” yang diraikan pada setiap tahun di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dengan “konsep sambutan yang sama dengan matlamat yang sama”, selain meningkatkan kecintaan dan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Wilayah Persekutuan.
6. Pada tahun ini juga, saya difahamkan pelbagai program bakal dianjurkan oleh ketiga-tiga Wilayah Persekutuan seperti program Wilayah Persekutuan Berselawat, Wacana Ilmu Malaysia MADANI, Karnival Beli-belah@WP,

Program Pencahayaan dan banyak lagi yang akan disediakan untuk memberikan kelainan dan manfaat kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

7. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang diadakan pada hari ini adalah merupakan permulaan acara kepada semua program dan acara rasmi yang telah disusun oleh pihak Jabatan Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2024.

- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 
8. Malah, tahun ini adalah merupakan sambutan kali yang ke-20 kita meraikan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Justeru, sudah semestinya kita perlu meraikan Hari Wilayah Persekutuan dengan penuh perpaduan melalui pengibaran bendera oleh semua warga bagi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dengan kepelbagaian kaum, budaya dan bangsa.
9. Pagi ini, saya dimaklumkan ramai anak muda bermotosikal yang hadir bersama-sama dalam memberikan sokongan untuk menjayakan

Pelancaran Kempen Kibar Bendera ini. Ini adalah satu usaha yang positif untuk melibatkan generasi muda bersama-sama membina semangat perpaduan, keharmonian dan patriotisme dalam kalangan mereka.

10. Oleh itu, saya menyeru seluruh warga Wilayah Persekutuan untuk bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan sepanjang bulan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Kibarkanlah bendera ini dengan megahnya sebagai satu lambang kemasyhuran ketiga-tiga wilayah ini di samping memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.

11. Saya juga menyeru kepada semua pemilik premis, sama ada bangunan kerajaan mahupun swasta serta kediaman persendirian untuk bersama-sama memasang dan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di premis masing-masing. Tunjukkan semangat patriotisme anda dengan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

12. Pada pagi ini juga, saya akan melancarkan Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Laporan Rancangan Struktur Labuan 2040. Untuk makluman semua, Pelan Rancangan Struktur Labuan 2040 ini merupakan laporan yang mempunyai pelbagai cadangan dasar pembangunan berkaitan perancangan fizikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial di Wilayah Persekutuan Labuan.

13. Sehubungan itu, antara fokus laporan ini adalah menetapkan visi pembangunan Labuan serta gamba rajah utama yang memberi gambaran pembangunan fizikal WP Labuan menjelang tahun 2040. Bagi tujuan tersebut, hari ini adalah bermulanya tarikh Program Publisiti dan Penyertaan Awam dan akan berakhir pada 29 Februari 2024 nanti.
  
14. Justeru, saya menyeru agar warga Wilayah Persekutuan Labuan mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan hasrat serta inspirasi warga Labuan untuk dipertimbangkan bagi menambah baik laporan tersebut

melalui saluran yang disediakan oleh Perbadanan Labuan.

15. Maklum balas dan cadangan dari anda semua amatlah diharapkan demi membantu pihak kerajaan untuk memastikan keperluan pembangunan fizikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial Wilayah Persekutuan Labuan setara dengan negeri-negeri lain dan inilah peluang yang perlu digunakan dan dimanfaatkan oleh warga Labuan keseluruhannya.

**Para hadirin sekalian,**

16. Cita-cita Kerajaan dan juga saya sendiri adalah untuk menjadikan Labuan ini sebagai sebuah hab ekonomi, pelancongan dan pendidikan. Namun begitu, kesemua perkara ini tidak akan boleh kita kecapi sekiranya perkara-perkara asas seperti bekalan air, elektrik dan *connectivity* belum diselesaikan terlebih dahulu.
  
17. Keutamaan untuk Labuan adalah untuk menyelesaikan infrastruktur asas bagi memastikan keselesaan rakyat Labuan terjamin. Untuk menjadikan perkara ini realiti, semua pihak perlu bekerjasama

erat, termasuk penglibatan tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

18. Sehubungan itu, semalam saya telah memaklumkan kepada Bahagian Bekalan Air Labuan untuk mempercepatkan projek-projek pembaikan, baik pulih infrastruktur dan penggantian paip air supaya isu bekalan air dapat diselesaikan seberapa segera yang mungkin. Alhamdulillah, sebanyak tiga projek penggantian paip sepanjang 70 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM 108 juta akan siap seawal Jun 2024 dan selewat-lewatnya pada suku pertama 2025.

19. Saya juga akan berjumpa dengan YAB Timbalan Perdana Menteri 2, yang juga merupakan Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam untuk berbincang berkenaan isu-isu terkait bekalan air dan elektrik bagi memastikan infrastruktur asas di Labuan dapat diselesaikan dengan segera.

**Para hadirin sekalian,**

20. Seperti semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada lawatan kerja beliau tahun lepas telah meminta agar Kemeterian dan Agensi Kerajaan untuk mengadakan program di Labuan pada tahun 2024.

21. Lanjutan daripada arahan tersebut, kami di Jabatan Wilayah Persekutuan telah menerima dan mengumpul sebanyak 92 program yang melibatkan pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan sepanjang tahun ini.
  
22. Sudah pasti, kehadiran peserta ke 92 program tersebut sepanjang tahun 2024 akan memberi impak yang cukup positif kepada Labuan, bukan sahaja dengan meningkatkan sosio ekonomi Labuan, malah turut memberi impak kepada ekonomi masyarakat setempat.

23. Bagi merancakkan lagi pelancongan serta mengambil kira perjumpaan-perjumpaan saya semalam bersama MOTAC Labuan, Tourism Malaysia Labuan dan beberapa pemegang taruh yang lain termasuk komuniti perniagaan di Labuan, saya telah mengarahkan penubuhan satu *Special Taskforce* bagi mengenal pasti produk-produk pelancongan dan sekali gus dapat menarik lebih ramai pelancong ke Labuan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

24. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru sekali lagi agar seluruh warga Wilayah Persekutuan Labuan bersama-sama mengambil bahagian dalam mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan dan menyemarakkan lagi kempen ini bersama-sama dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang telah diaturkan.

25. Akhir kalam, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2024 dan seterusnya melancarkan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Laporan Rancangan Struktur Labuan 2040.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.